



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 23 SEPTEMBER 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CANINES SHOW OFF PROWESS ON 'GRADUATION DAY', NATIONAL, THE SUN, M/S – 6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	RESTORAN MI SEGERA MACAM ZOO MINI, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	
3.	TERNAKAN KELI BANTU KELANGSUNGAN HIDUP 14 ANGGOTA RELA, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	PULAU BETONG SET TO BECOME MODEL VILLAGE, NATIONAL, THE SUN, M/S – 4	LAIN – LAIN
5.	DR BIRD SANGGUP TURUN PADANG RAWAT PELIHARAAN PELANGGAN, WANITA&KELUARGA, BERITA HARIAN, M/S – 20	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Canines show off prowess on 'graduation day'

► Dogs display speed and agility at obstacle course before receiving certificates, prizes for completing training programme

■ BY HARITH KAMAL
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Forget mortarboards and scrolls. At the Canine SportzClub, graduation means fur, fun and a whole lot of wagging tails.

Central Park, Bandar Utama, was buzzing on Sunday morning as the club celebrated its June 2025 graduates while rolling out the welcome mat for the next batch of eager "pawrents" and

their four-legged classmates.

The day opened with a canine agility demo that had tails wagging and jaws dropping. From tunnels to weave poles, from hurdles to hairpin turns, the dogs raced through the obstacle course with speed, precision and plenty of flair.

It was a showcase of teamwork and trust that left the audience cheering, and maybe wishing they could train their pets to fetch slippers with that kind of dedication.

Once the applause faded, it was time for the serious stuff - certificates and prizes.

Malaysian National Animal Welfare Foundation chairman Datuk Dr Mohd Nordin Mohd Nor, joined by senior officials from the Veterinary Services Department, handed out awards to proud graduates. His message struck a chord with the crowd.

"This graduation is about celebrating the special bond between dogs and their owners. We hope the lessons learnt have equipped you for your journey as responsible pet parents,"



The graduation ceremony aims to raise public awareness on animal welfare and encourage greater community responsibility towards animals. - ADIB RAWI YAHYA/THE SUN

he said to the dog owners.

The September 2025 intake then met their trainers, getting a crash course on the semester ahead - an orientation designed to set expectations while reminding newcomers that raising a well-behaved pup is a marathon, not a sprint.

Since its founding in 2009, Canine SportzClub has trained more than 4,000 dogs, with programmes ranging from obedience to agility and fun social activities. The club champions positive reinforcement,

socialisation and responsible ownership, with courses endorsed by the Veterinary Services Department and the Malaysian Veterinary Medical Association.

For organisers, the mission is bigger than certificates. By fostering the human-animal bond, the club hopes to keep tails wagging, prevent abandonment and create happier households.

And if Sunday's mix of speed, smiles and plenty of sloppy kisses was anything to go by, they're well on their way.

Restoran mi segera macam zoo mini

- Selain alpaka turut ada 22 haiwan lain dalam premis itu
- MBMB arah tutup operasi kedai makan selama 7 hari

Oleh AMRAN ALI

MELAKA – Tindakan pemilik sebuah restoran mi segera di Kampung Jawa menggunakan haiwan eksotik alpaka sebagai tarikan pelanggan membawa padah apabila dia dikompau RM10,250 oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) semalam.

Premis tersebut yang sebelum ini turut tular di media sosial selepas alpaka berkenaan didakwa kelihatan tertekan dan murung turut diarahkan ditutup selama tujuh hari.

Datuk Bandar MBMB, Datuk Shadan Othman berkata, pemeriksaan mendapati restoran itu bukan sahaja menempatkan seekor alpaka, malah turut membawa masuk 22 haiwan lain termasuk kambing, seekor itik, angsa, dua arnab dan kucing sejak Jun lalu.

Katanya, pemilik premis dikenakan kompaun RM10,000 di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 2001 serta RM250 kerana melanggar Undang-undang Kecil Petempatan Makanan (MBMB) 2020.

"Kita keluarkan notis penutupan selama tujuh hari untuk kerja pembersihan dan mengeluarkan semua haiwan yang ditempatkan dalam restoran ini.



SHADAN (tengah) melakukan pemeriksaan ke atas restoran mi segera yang menempatkan sebanyak 22 haiwan peliharaan di Kampung Jawa, Melaka semalam.

SEKOR alpaka yang tular di media sosial sebelum ini didakwa kelihatan murung di sebuah restoran di Kampung Jawa, Melaka semalam.

itu mula beroperasi seolah-olah sebuah zoo mini.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Mohd. Noor Helmy Abdul Halem yang turut hadir pada operasi berkenaan berkata, satu pertemuan akan dibuat bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri dalam masa terdekat.

"Saya akan meminta mereka menggubal garis panduan khusus berhubung aktiviti melibatkan haiwan peliharaan dalam premis makanan.

"Dari segi idea pelancongan, ia memang menarik terutama untuk kanak-kanak, namun haiwan berkenaan perlu disimpan di dalam bilik khas atau dilepaskan ke habitat selepas persembahan seperti di zoo," ujarnya.

Dalam pada itu pemilik restoran itu, seorang lelaki warga Singapura berusia 31 tahun itu berkata, dia memiliki sepasang alpaka diimport dari Australia bernilai RM43,000, hanya seekor jantan dinamakan Jenter dipamerkan di restorannya, manakala betina disimpan di rumah.

"Saya tahu ada yang marah kononnya saya menzalimi alpaka ini, sedangkan saya pencinta haiwan sama seperti orang lain bela kucing. Seekor pun harganya lebih RM20,000, tapi saya sanggup beli.

"Mungkin silap saya kerana mempamerkannya di kedai makan, selepas ini saya akan kemas kini semula permohonan ikut saluran undang-undang," katanya ketika ditemui pemberita di sini, semalam.

"Dalam lesen MBMB jelas dinyatakan haiwan peliharaan tidak boleh diletakkan di dalam restoran. Walaupun alpaka dipamerkan secara berasingan, ia tetap dilarang," katanya ketika mengetuai operasi pemeriksaan, semalam.

Beliau berkata, restoran berkenaan memperoleh lesen perniagaan makanan pada April lalu, namun hanya dua bulan selepas

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/9/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

Ternakan keli bantu kelangsungan hidup 14 anggota RELA

2030
PERAK
SEJAHTERA

Gerik: Pendapatan tidak menurun, lebih-lebih lagi selepas pandemik COVID-19, mendorong 14 anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dari Mukim Kerunai yang hidup dalam kategori miskin menceburi penternakan ikan keli sejak setahun lalu.

Bermula Julai 2024, Projek Rangsangan Ekonomi Anggota RELA Daerah Gerik itu kini membuahkan hasil apabila ternakan diusahakan bersama, berjaya menambah pendapatan mereka yang sebelum ini hanya bergantung kepada elaun tugas RELA.

Penyelaras program penternakan itu yang juga Pegawai RELA Daerah Gerik, Ahmad Falihin Azmi, 37, berkata kini penternakan itu diusahakan di 18 sangkar serta tangki, yang menampung 54,000 ikan keli untuk pasaran sekitar daerah Hulu Perak.

Ahmad Falihin berkata, idea penternakan itu teretus apabila melihat ramai anggota RELA kehilangan punca pendapatan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan banyak penugasan anggota RELA dihentikan.

Malah, hingga kini penugasan anggota RELA masih kurang menyebabkan ada yang keluar



Projek Rangsangan Ekonomi Anggota RELA Daerah Gerik membabitkan penternakan 54,000 ikan keli di 18 sangkar dan tangki.

mencari kerja di tempat lain.

Justeru, sebagai pegawai RELA ia menjadi cabaran kepada Ahmad Falihin dalam usaha mengekalkan anggota secara setempat.

"Ada anggota RELA kategori asnaf. Alhamdulillah, sekarang 14 peserta penternakan ikan keli ini ada sedikit tambahan pendapatan antara RM300 ke RM450 sebulan dan dijangka mampu meraih lebih lagi pendapatan dalam beberapa masa mendatang," katanya kepada BH.

Katanya, usaha penternakan ikan itu mendapat bantuan awal

RM10,000 sumbangan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan ia digunakan bagi membina lapan sangkar ikan.

Bantuan lain, penerimaan Geran Program Asnaf Berjaya berjumlah RM20,500 daripada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC).

"Dengan bantuan diterima, selain membina sangkar, ia turut dijadikan modal membeli peralatan dan barangan lain seperti pembelian benih, makanan ikan, jaring, tong, sistem perpaipan dan sebagainya.

"Kita juga menerima bantuan

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam bentuk pemberian benih ikan, selain bimbingan cara menternak.

"Projek penternakan keli ini bukan hanya bantu menambah pendapatan anggota RELA atau membasmi kemiskinan tegar, malah turut menyumbang kepada sekuriti makanan," katanya.

Beliau berkata, ikan keli mendapat permintaan tinggi, khususnya di wilayah utara daerah Hulu Perak iaitu berdekatan kawasan Pengkalan Hulu menjangkau kawasan Baling, Kedah

memandangkan daerah itu lebih terkenal dengan ikan sungai dari Sungai Perak seperti loma.

"Permintaan terhadap ikan keli banyak di kawasan Hulu Perak memandangkan ikan lain seperti tilapia sudah ada pihak menternak di Lenggong. Tetapi untuk ikan keli, ia masih tak cukup di Hulu Perak sebab permintaan di kedai-kedai sekitar Gerik dan Baling, Kedah.

"Pelancong yang datang ke Hulu Perak pun biasanya berkeinginan menjamah hidangan kampung kawasan setempat. Oleh kerana itu kita pilih ikan keli untuk tampung permintaan di kedai-kedai sekitar Gerik dan Baling, Kedah.

"Ikan loma terkenal di kawasan Gerik adalah ikan bermusim. Ikan keli pula senang dijaga dan cepat besar yang membolehkan kita tuai hasilnya cepat iaitu dalam masa 70 hari sudah boleh dijual," katanya.

Memasmi Miskin Tegar 2025 menjadi satu daripada *flagship* atau andalan kepada pelan pembangunan negeri Perak Sejahtera 2030 cetusan Saarani sebagai Menteri Besar Perak, selain pelan sama turut meletakkan Perak SADC serta DOF sebagai antara agensi peneraju kepada *flagship* Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan).

Pulau Betong set to become **model village**

► Revamp under Kampung Angkat with 23 projects to upgrade facilities, boost eco-tourism and create more income opportunities for locals: Minister

■ BY T.C. KHOR
newsdesk@thesundaily.com

BALIK PULAU: Pulau Betong is getting more than just a facelift – it is being turned into a model village under the government's Kampung Angkat Madani initiative, with 23 projects set to revamp facilities, brighten up community spaces and give its eco-tourism appeal a serious boost.

Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan said the programme aims to close the gap between urban and rural communities by upgrading basic amenities in villages.

"We focus on what can be improved so that people in villages have the essential infrastructure they need," he told a press conference at the Pulau Betong fishermen's jetty.

Unlike conventional development projects managed centrally, Kampung Angkat Madani puts villagers at the heart of planning.

"What's important is that we do it with the cooperation of the local community. We listen to what they feel is most urgent and we prioritise those projects first."

He explained that this bottom-up approach involves not just federal ministries but also state agencies, local authorities and villagers themselves, ensuring projects are more responsive to local needs.

Pulau Betong, home to 1,200 residents (90% Malay and 10% Chinese), relies on fishing, farming and small industries. Government assessments found its facilities in need of urgent attention, while its eco-tourism potential remains largely untapped.

"Pulau Betong has many attractions that can draw visitors.

"Beyond infrastructure, we want to create



Amir Hamzah (centre) said Pulau Betong, which is home to 1,200 residents who rely on fishing, farming and small industries, has many attractions, but its eco-tourism potential remains largely untapped. – TC KHOR/THESUN

opportunities that can stimulate local business."

The village already has 24 homestays and draws visitors with its beaches, mangrove swamps, fishing spots, durian orchards and oyster and prawn farms.

Amir said growth in tourism can spill over into more income opportunities for locals.

By end-2025, 23 projects will be completed in Pulau Betong, including upgrades to Surau Al-Hidayah, Masjid Ar-Raudhah, the village hall and library, as well as improvements to roads, parking areas and the jetty.

Several community spaces are also being upgraded, such as the Dataran Kuala Pulau Betong recreational area, jetty toilets, the riverside at Kuala Sungai Betong and the village cemetery, which will soon feature floodlights and beautification works.

A new hawker centre and tourism-themed sculptures are also planned to make the village more welcoming to visitors.

Beyond physical works, the programme will support residents through tuition classes for students, skills workshops and

community clean-up activities.

Besides Pulau Betong, Kampung Bukit Indera Muda, Kampung Guar Perahu and Kampung Terus in Permatang Pauh have also been chosen as Kampung Angkat Madani this year.

The finance ministry is coordinating the Pulau Betong project with the Southwest District and Land Office in Balik Pulau and the Prime Minister's Department's Implementation Coordination Unit.

Nationwide, the initiative covers 200 villages under Budget 2025, with a total allocation of RM200 million.

Amir stressed the initiative is not just about upgrading facilities but also about shaping future opportunities.

"The spillover we want is not only better infrastructure but also chances for people here to do business and improve their livelihoods."

Also present were Balik Pulau MP Datuk Muhamad Bakhtiar Wan Chik, Pulau Betong assemblyman Datuk Mat Tuah Ismail and officials from the finance ministry.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/9/2025	BERITA HARIAN	WANITA & KELUARGA	20

Dr Bird sanggup turun padang rawat peliharaan pelanggan



Doktor veterinar tawar rawatan ke rumah, kenal pasti punca penyakit burung melalui pemerhatian persekitaran

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhrencana@bh.com.my

Biarpun ramai pelanggan tetap mendesaknya membuka klinik veterinar sendiri, seorang doktor veterinar kekal pendirian dengan pendekatan berbeza, turun padang ke rumah pelanggan untuk merawat burung peliharaan mereka.

Bagi Dr Daviddass Velankanni, 41, atau lebih mesra disapa Dr Bird, meninjau sendiri keadaan persekitaran burung yang sakit lebih memberi gambaran jelas terhadap punca masalah.

Katanya, melalui pemerhatian secara langsung, beliau dapat

menentukan sama ada penyakit berpunca daripada faktor pemakanan, kebersihan sangkar mahupun jangkitan.

"Melihat sendiri keadaan burung sangat penting. Dari situ saya dapat menilai dengan tepat punca masalah dan pada masa sama, memberi nasihat cara penjagaan yang betul. Ramai pemilik tidak sedar cara mereka membela burung sebenarnya mendedahkan haiwan kepada risiko sakit," katanya ketika ditemui BH.

Sejak empat tahun lalu, beliau sanggup memandu sendiri ke seluruh negeri, termasuk Kedah dan Kelantan, demi menyelamatkan burung peliharaan pelanggan.

Malah, ada yang tidak kisah menanggung kos perjalanan semata-mata kerana yakin dengan kepakaran beliau.

Menurut graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) itu, antara kes biasa dirawat, termasuk jangkitan virus, bakteria, parasit serta kecederaan seperti patah kaki dan luka di mata.

"Rawatan sama seperti di klinik, iaitu pemeriksaan menyeluruh sebelum diberikan ubat-ubatan. Jika kes memerlukan pembedahan, saya akan menyewa klinik veterinar untuk melakukan prosedur itu," katanya.

Selain merawat, beliau turut menekankan aspek pencegahan dengan menasihati pemilik burung mengenai makanan sesuai, saiz sangkar ideal serta kaedah penjagaan rapi.

Walaupun lebih selesa menawarkan khidmat bergerak, beliau tidak menolak kemungkinan membuka klinik suatu hari nanti. Buat masa ini, pendekatan ke

rumah pelanggan lebih menepati matlamatnya.

Pesakit dari Australia

Dedikasinya bukan hanya mendapat perhatian di Malaysia, malah pernah menerima panggilan keceemasan daripada seorang pemilik burung di Australia pada 2022.

"Ketika itu tujuh burung kakak tua milik pelanggan sudah mati selepas rawatan lain gagal. Melalui panggilan video, saya menilai keadaan burung, jenis makanan serta ubat yang diberi. Saya nasihatkan supaya membeli ubat dan makanan tertentu.

"Setiap hari dia melaporkan perkembangan. Pada awalnya saya menjangka burung itu tidak sempat diselamatkan, tetapi hari kelapan pelanggan hubungi saya semula, gembira burungnya kembali sihat dan boleh terbang," katanya.

Bapa kepada seorang anak perempuan itu mengakui minat mendalam terhadap burung sudah

berputik sejak usia tujuh tahun, walaupun tidak pernah dibenarkan memelihara haiwan itu ketika kecil.

"Waktu remaja saya kerap ke kampung dan belajar daripada orang tua yang membela pelbagai spesies burung. Dari situ saya kumpul pengalaman dan ilmu yang berguna hingga kini," ujarnya.

Anak jati Kapar itu pada asalnya bekerja dalam bidang logistik selepas tamat diploma, sebelum mengambil kursus veterinar secara dalam talian dan akhirnya menamatkan pengajian dalam bidang berkenaan.

Kini, impiannya tercapai apabila beliau sendiri membela lebih 228 burung pelbagai spesies termasuk *African Grey*, *Blue-and-Gold Macaw* dan *Yellow-collared Macaw*.

"Melihat burung-burung ini setiap hari memberi kepuasan luar biasa. Selain memenuhi impian sejak kecil, saya juga terus belajar mengenai tingkah laku dan penjagaan burung," katanya.